

MDEC tambah baik inisiatif perkasakan ekonomi digital

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) akan menambah baik inisiatif untuk mengembangkan ekonomi digital negara, terutama dalam menghadapi gangguan yang tidak pernah berlaku sebelum ini dan peluang dalam norma baharu.

Pengerusinya, Datuk Wira Dr Rais Hussin, berkata pembentukan semula MDEC termasuk membawa tenaga kerja luar biasa dengan pendekatan dan pemikiran baharu.

MDEC, katanya, menyambut baik peratusan tahun baharu 'Tahun 2021 Mara Ke Hadapan' Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah dan mengesahkan komitmen untuk melaksanakan perubahan ketara dalam model operasi dan budaya rakyat, memberi tumpuan kepada ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

"MDEC menyokong sepenuhnya hala tuju menteri untuk maju pada 2021 dengan pola pemikiran baharu yang memberi tumpuan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti."

"Agenda 'Pembentukan Semula' organisasi penting untuk menyuntik idea, semangat dan kemahiran baharu."

"Jika mahu merealisasikan visi Malaysia 5.0 dan menjadikan negara sebagai Nadi Digital ASEAN, perlu ada anjakan paradigma dalam pendekatan kita," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, revolusi industri keempat (IR4.0) mempunyai kekuatan untuk membawa masyarakat ke era maklumat, Malaysia 5.0 seperti dinyatakan, iaitu masyarakat berada di pusat teknologi dan data tidak berpusat dalam kawalan penciptanya untuk melaksanakan inovasi serta pengewangan.

"Dengan integrasi teknologi IR4.0 yang mendalam di setiap lapisan masyarakat, individu, industri, kerajaan dan persekitaran, kita dapat mendemokraskan proses pewujudan kekayaan kembali kepada rakyat (melalui kekuatan AI, *blockchain* dan fintech yang tidak berpusat).

"Kami berharap misi untuk merealisasikan Malaysia 5.0 menjadi langkah penting untuk membawa ekonomi digital kepada rakyat dan berkongsi kemakmuran untuk semua pada 2021 dan seterusnya," katanya.

Susulan penstrukturran semula, MDEC, katanya, kini memberi tumpuan kepada empat teras utama iaitu Bakat Digital, Perniagaan Digital, Pelaburan Digital dan MDEC Digital untuk memacu capaian digital berimpak tinggi serta hasil untuk masyarakat dan ekonomi negara.